

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 15 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 16

Tempoh ahli PBT lima tahun dikaji

Georgetown: Kerajaan sedang mengkaji untuk melanjutkan tempoh jawatan Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) sehingga lima tahun, mengikut penggal Pilihan Raya Umum (PRU), seperti memimpin politik.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata ketika ini jawatan Ahli Majlis adalah tidak seragam, membabitkan tempoh jawatan antara setahun dan dua tahun.

Beliau berpendapat perlaksanaan mengikut tempoh penggal PRU akan memastikan mereka bekerja dengan lebih baik kepada masyarakat, sekali gus menjamin perkhidmatan cemerlang PBT.

"Cadangan ini dibuat kerana kita mahu pastikan mutu perkhidmatan Ahli Majlis ada kesinambungan. Kalau terus bertukar, ia tidak menjamin pengetahuan, ilmu dan pengalaman mereka.

"Saya harap ia tidak bergantung kepada lantikan politik semata-mata, tetapi Ahli Majlis mestilah mereka yang boleh berkhidmat kepada rakyat dan faham prosedur PBT bagi memantapkan perkhidmatan PBT," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan 2019 bersempena Persidangan Asia Pasifik Urban Ke-7 (APUF-7) di sini, semalam.

Konvensyen bertema 'PBT Perkasa, Rakyat Sejahtera' itu menghimpunkan 155 PBT dari seluruh negara dengan objektif utama sebagai pentas perkongsian amalan terbaik berkaitan isu kerajaan tempatan.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata cadangan tempoh jawatan Ahli Majlis sehingga lima tahun itu masih dibincangkan secara terperinci sebelum ia dibentangkan di Kabinet.